

KEJOHANAN PENCAK SILAT ANTARABANGSA TERBUKA BELANDA

Juara dunia Farhan yakin capai sasaran

► ISMAIL ALI
ismail@sph.com.sg

JUARA dunia Sheik Farhan Sheik Alau'ddin meluahkan keyakinan beliau mampu menyumbang pingat emas yang disasarkan dalam Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Terbuka Belanda 2016 yang bermula hujung minggu ini.

Farhan, 18 tahun, yang merebut gelaran juara dunia dalam Kejohanan Pencak Silat Sedunia di Phuket, Thailand, pada Januari tahun lalu, bersama bekas juara dunia Muhammad Shakir Juanda, mengetuai cabaran pasukan empat pesilat Singapura dalam kejohanan terunggul di Eropah itu yang akan bermula dari Sabtu hingga Ahad ini di bandar Roermond, Belanda.

Dua lagi pesilat yang mewakili negara dalam kejohanan yang bakal disertai lebih 15 negara dan kelab dari seluruh Eropah itu ialah Nurul Suhaila Mohd Saiful (Kelas D) dan Nurzuhairah Mohd Yazid (Kelas A).

Ketua Pegawai Eksekutif Persekutuan Silat Singapura (Persisi) Sheik Alau'ddin Yacoob Marican te-

lah menetapkan sasaran tiga pingat emas bagi Farhan, Shakir dan Nurul Suhailah, ketiga-tiganya pemegang Biasiswa Spex.

Tanpa menunjukkan sebarang tanda riyak, Farhan, yang berlatih setiap hari meskipun masih meneruskan pengajian di tahun ketiga di Politeknik Nanyang, sebagai persiapan menghadapi Sukan Pantai Kelima Asia di Vietnam bulan depan, berkata:

"Saya menaruh keyakinan jika anda melakukan yang terbaik, anda akan berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan."

Ditanya sama ada beliau merasakan tekanan turun ke gelanggang sebagai juara dunia, pesilat muda bertubuh sasa itu berkata, dalam apa jua pertandingan, beliau hanya menumpukan perhatian pada strategi memberikan persembahan terbaik.

"Saya rasa jika anda tampil dengan yakin, anda boleh melakukannya," tambah beliau, yang akan bertanding dalam Kelas J (90-95kg).

"Lagipun, saya akan menggunakan pertandingan ini dan Sukan Pantai nanti sebagai persiapan mengha-

dapi Kejohanan Silat Sedunia yang akan berlangsung di Bali, Indonesia, pada akhir tahun ini."

Bagi Nurul Suhailah, 21 tahun, beliau berharap dapat meneruskan langkah kemenangan selepas meraih pingat emas pertamanya dalam Kejohanan Pencak Silat Asia Kedua, di sini, Jun lalu.

"Saya merancang memberikan yang terbaik dan melangkah setapak demi setapak ke final.

"Meskipun ada kemungkinan saya berdepan dengan pesilat handal dari Malaysia, saya akan turun ke gelanggang dengan penuh keyakinan bahawa saya pesilat terbaik dalam kelas saya dan keputusannya hanya akan diketahui di akhir perlombongan," kata Nurul Suhailah.

Memandangkan ini penampilan pertama Nurzuhairah, 18 tahun, dalam kejohanan di Eropah, beliau diharap dapat menunjukkan prestasi terbaik di samping menimba pengalaman daripada kejohanan itu.

"Ini peluang bagi saya membuktikan keupayaan. Walaupun saya ke sana dengan tujuan menimba pengalaman dan pendedahan bertanding



SASAR EMAS DI BELANDA: Pasukan pesilat negara – (dari kiri) Sheik Farhan Sheik Alau'ddin, Muhammad Shakir Juanda, Nurzuhairah Mohd Yazid dan Nurul Suhaila Mohd Saiful – menunjukkan aksi ketika berlatih di pekarangan hotel di Roermond, Belanda. – Foto SHEIK ALAU'DDIN YACOOB MARICAN

di Eropah, saya meletakkan sasaran peribadi memenangi pingat emas juga. Kata orang kalau tak dapat emas, asal dapat pingat pun boleh juga," ujar pelajar tahun dua Institut Pen-

didikan Teknikal (ITE) Kolej Central itu.

Sejauh ini, antara negara yang mengesahkan penyertaan dalam Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa

Terbuka Belanda 2016 termasuk gergasi silat Asia Tenggara Vietnam, Malaysia, Indonesia, Jerman, Britain, Perancis dan tuan rumah Belanda.